

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	BENTENG PENAHAN OMBAK 7 KALI PECAH
	SUMBER	BH (28 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	23 (NASIONAL)

BH Selasa, 28 Oktober 2025

Nasional

23

Benteng penahan ombak 7 kali pecah

15 rumah penduduk Kampung Sungai Berong Laut ditenggelami air sejak 4 bulan lalu

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

Batu Pahat: Bukan sekali tetapi tujuh kali benteng penahan ombak pecah hanya dalam tempoh lima bulan hingga menyebabkan lebih 15 rumah penduduk di Kampung Sungai Berong Laut, Rengit, ditenggelami air laut.

Malah, tanaman dan ternakan mereka turut menerima kesannya hingga menyebabkan sebahagian besar penduduk hilang sumber pencarian.

Penduduk, Zainal Ahmad, 59, berkata mereka perlu berdepan permasalahan yang belum menemui jalan penyelesaian itu sejak

berbulan-bulan lalu.

"Sejak benteng penahan ombak pecah, kami acap kali berpindah-randah kerana air laut melimpah dan memasuki rumah, terutama apabila air pasang.

"Selagi benteng penahan ombak tidak siap, selagi itu kami terpaksa menghadap benda macam ini (banjir). Sebelum ini kalau air pasang sekali pun, tidaklah sampai masuk ke dalam rumah.

"Apa yang penduduk nampak, struktur benteng sedia ada sudah lama yang mana sepatutnya dinaik taraf. Kalau perkara ini berlarutan, kami kena pindah," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk, Nor-sidah Abu, 52, berkata banjir yang melanda kawasan rumah berlarutan sejak empat bulan lalu menyebabkan peralatan dalam rumah mengalami kerosakan.

"Boleh dikatakan dalam sebulan atau dua minggu sekali, mesti ada banjir disebabkan air laut masuk ke sini. Benteng penahan ombak acap kali pecah dan ini kali ketujuh dalam tempoh lima bulan.

"Kalau air tak masuk, kami tidur rumah, tetapi kalau dah masuk, kami terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Sempurna," katanya sambil menambak, ini kejadian paling teruk sejak membesar di kampung itu.

Lantik kontraktor berkualiti

Sementara itu, Ahli Parlimen Batu Pahat, Onn Abu Bakar, berkata beliau mendesak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membaiki benteng berkenaan secara betul dengan melantik kontraktor berkualiti.

Beliau mendesak pihak berkenaan agar membayar pampasan sewajarnya kepada penduduk yang terjejas.

"Baru-baru ini saya membangkitkan insiden benteng pecah di Parlimen yang mana ia berlaku di pantai Berong Laut tujuh kali dalam tempoh lima bulan," katanya.



Benteng penahan ombak di Kampung Sungai Berong Laut pecah menyebabkan beberapa rumah penduduk ditenggelami air laut.

(Foto Alias Abd Rani/BH)

2.	TAJUK	NELAYAN TERPAKSA TOLAK BOT KE MUARA SUNGAI MUDA : BETING HALANG KE LAUT
	SUMBER	HARIAN METRO (28 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (LOKAL)

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

NELAYAN TERPAKSA TOLAK BOT KE MUARA SUNGAI MUDA

Beting halang ke laut



MAHDZIR meninjau muara Sungai Muda ketika hadir ke Program Desa KEDA Tepi Sungai, semalam. - Gambar NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

lelaki beting. "Masalah ini bukan baru, sudah lama berlarutan dan mesti diselesaikan segera. Penduduk di sini kebanyakan nelayan pantai yang perlu kita bantu untuk kelangsungan hidup mereka," katanya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan isu berkenaan tidak wajar dijadikan bahan politik kerana ia membabitkan kepentingan komuniti nelayan serta penduduk setempat yang kebanyakannya bergantung hidup kepada hasil laut.

"Ini bukan masalah parti politik, ini masalah rakyat. Semua pihak perlu duduk semeja...kerajaan Kedah, Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat untuk cari jalan penyelesaian serta peruntukan yang sesuai," katanya.

Mahdzir turut menyarankan supaya kawasan beting pasir itu dibangunkan sebagai lokasi pelancongan baharu memandangkan kawasan itu turut mempunyai nilai sejarah termasuk kewujudan Galeri dan Tugu Tsunami yang boleh dijadikan tarikan pelawat.

Penduduk dan nelayan di Desa KEDA Tepi Sungai, Kota Kuala Muda berdepan kesukaran menangkap ikan berikutan timbunan beting pasir di muara Sungai Muda yang semakin cetek dan menghalang lajuan bot.

Keadaan itu bukan sahaja menjejaskan punca rezeki mereka, malah memaksa nelayan menolak bot ke tengah sungai setiap kali air surut bagi membolehkan mereka ke laut mencari hasil.

Prihatin dengan masalah berlarutan itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Datuk Seri Mahdzir Khalid mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas membabitkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diwujudkan bagi mencari penyelesaian menyeluruh terhadap isu berkenaan.

Bellau berkata, langkah itu penting memandangkan masalah beting pasir di muara Sungai Muda membabitkan bidang kuasa pelbagai pihak termasuk kerajaan Kedah dan Pulau Pinang kerana terletak di kawasan sempadan selain Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Saya fikir satu jawatankuasa di peringkat Persekutuan dan negeri mesti diwujudkan. Kalau sudah ada, laksanakanlah.

"Kalau belum ada, kemukakan kertas cadangan kepada kerajaan kerana ini membabitkan sungai di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, manakala JPS pula agensi bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau muara Sungai Muda ketika hadir ke Program Desa KEDA Tepi Sungai di sini, kelmarin.

Mahdzir berkata, timbunan pasir di muara sungai menyebabkan bot nelayan sukar keluar terutama ketika air cetek sehingga ada yang terpaksa menolak bot dengan tangan untuk me-

3.	TAJUK	PGA RAMPAS E-WASTE LEBIH RM22J, TAHAN 5 WARGA ASING
	SUMBER	BH (29 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

PGA rampas e-waste lebih RM22j, tahan 5 warga asing

Bukit Mertajam: Pasukan Gerakan Am (PGA) membongkar operasi pemprosesan sisa elektronik (e-waste) haram selepas menahan lima warga asing dan seorang warga tempatan serta merampas sisa produk berkenaan bersama pelbagai aset dianggarkan lebih RM22 juta dalam serbuan di Juru, dekat sini.

Serbuan menerusi Op Hazard dijalankan Batalion Ke-2 PGA dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pasukan polis, antara jam 9 pagi hingga 6 petang kelmarin.

Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Shahrum Hashim, berkata operasi itu menyasarkan kilang di Jalan Bukit Tambun, Juru, selepas tiga minggu pemantauan dilakukan mendapati premis itu memproses komponen elektronik dan bahan buangan secara haram.

Beliau berkata, pihaknya merampas kira-kira 454,000 kilogram (kg) sisa elektronik dalam pelbagai peringkat pemprosesan, wang tunai RM6,147 serta treler yang membawa 20,000kg sisa elektronik sudah dileraikan.

"Antara barangan dirampas termasuk lima *forklift*, satu mesin penapisan sisa, 10 mesin pencuci sisa, satu mesin *extruder* dan satu pemampat.



Antara peralatan dan sisa elektronik yang dirampas dalam serbuan di kilang memproses komponen elektronik secara haram di Juru.

(Foto Ihsan PGA)

"Jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan RM22.3 juta," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Shahrum berkata, enam individu terdiri daripada lelaki warga tempatan, dua warga China dan tiga wanita warga Myanmar berusia antara 22 dan 55 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18(1A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000, penjara sehingga lima tahun atau keduanya sekali, jika sabit kesalahan.

Beliau berkata, suspek warga

asing turut disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan hukuman denda sehingga RM10,000, penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya serta boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Katanya, semua individu yang ditahan diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut, manakala barangan rampasan diserahkan kepada JAS negeri.

"Operasi penguatkuasaan akan diteruskan di seluruh Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis bagi membanteras aktiviti pemprosesan sisa elektronik haram," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**